

Pemikir Yang Membantah Kedangkalan Idea

Oleh

Azhar Ibrahim Alwee

Lebih dua minggu lalu, Dunia Melayu kehilangan seorang pemikir besar yang pernah bertugas di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya sebagai pensyarah dan zamil kanan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis) Malaysia.

Rustam A. Sani (1944-2008) merupakan contoh seorang intelektual Melayu yang memperlihatkan kesungguhan dalam membicarakan perihal pelbagai permasalahan dan cabaran masyarakatnya dan tegas untuk menyinggung kelompok yang harus memikul tanggungjawab, selain dapat membuat analisis dengan berhemah, berkat daripada visi sosiologikalnya yang kritis.

Pemikiran dan penumpuan intelektual beliau dapat kita kesani daripada lima ranah utama yakni perihal sosio-politik dan ekonomi, pembangunan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, persoalan sains sosial dalam pendidikan dan kesedaran awam, dan membangkitkan soal Melayu Baru sebagai satu falsafah transformasi sosial dan kebudayaan.

Beliau antara cendekia Melayu yang aktif menulis dalam media bercetak dan juga blognya. Antara penulisanannya ialah *Politik dan Polemik Bahasa Melayu* (1993), *Melayu Baru dan Bangsa Malaysia: Tradisi cendekia dan krisis budaya* (1993), *Ke mana Nasionalisme Melayu?* (2004), dan *Menjelang Reformasi: Kumpulan Rencana Akhbar 1997-1998* (2004). Penulisan tadi menunjukkan iltizamnya membawa persoalan penting yang harus ditanggapi secara intelektual kepada khalayak awam guna menjana kesedaran dan perubahan pemikiran.

Rustam seorang pengkritik yang berterus terang, tidak berlindung-lindung di sebalik kata-katanya. Tambahan lagi penulisan beliau tidak berpretensi ilmiah dengan ragam berteori itu dan ini sehingga terkabur perkara pokok yang mahu dibicarakan.

Beliau menulis dengan gaya jelas, tepat dan padat tapi berhujah dengan mendalam, kritis dan mengesankan. Unsur seloroh pun terjelma kadang-kadang. Perkara-perkara yang dibicarakan ditanggapi dalam rangka memperbaiki idea dan pemikiran yang lazim terpakai, lantas menyeru supaya sesuatu dilakukan untuk merubah keadaan itu.

Sejak puisi awalnya pada 1967 bertajuk “Lidah Kami Lidah Keramat” (antologi *Riak-riak Kecil*) sudah terpapar sikapnya.

Pemantauan dan komentar politik beliau menerusi penulisan dalam akhbar seperti Utusan Malaysia, selain akhbar alternatif, memang tajam dan berani, sebagaimana yang terkumpul dalam bukunya, *Bercanda dengan Mahathir* (2006).

Rustam merupakan segelintir intelektual Melayu yang amat memberi perhatian kepada perkembangan dan pembangunan bahasa dan kebudayaan Melayu. Bahasa, bagi beliau, harus ditanggapi sebagai wadah ilmu dan pengungkapan jati diri yang ampuh.

Sebagai seorang pendidik, beliau bimbang dengan kemampuan para pelajar Melayu yang hanya dapat menguasai bahasa Melayu pada 'peringkat pengucapan gagasan yang konkrit', tetapi lemah pula menggunakannya ke tahap yang abstrak. Masalah ini timbul kerana sistem pendidikan yang ada bersifat amat vokasional yang mengutamakan penyaluran kemahiran dan keterampilan, daripada artikulasi intelektual dan kejituan pemikiran.

Demi menjamin bahasa dan budaya terus menjadi paksi kepada proses pembangunan negara bangsa, perjuangan dari luar dan peranan aktivis dan badan-badan bahasa amat penting.

Terhadap intelektual Malasia, Rustam mengkritik keghairahan di kalangan mereka yang asyik berbicara ilmiah di luar negara daripada bersungguh-sungguh berbicara dalam negeri, padahal khalayak setempatlah yang benar-benar memerlukan buah fikir para intelektual tadi.

Rustam adalah salah seorang intelektual Melayu yang bersungguhsungguh mengapungkan peri penting membangunkan 'Melayu Baru'.

Beliau menegur gagasan 'Melayu Baru' sebagaimana yang ditaja oleh ahli politik yang memberikan penekanan kepada membangunkan beberapa individu yang berjaya dalam dunia ekonomi.

Baginya, dasar seperti itu menyimpang. Daripada memupuk sekerat dua individu Melayu sebagai penguasaha/ahli korporat, seharusnya usaha diarahkan kepada usaha membangunkan masyarakat Melayu secara keseluruhan kerana daripada sebuah masyarakat moden itu akan lahir manusia moden.

'Melayu Baru' yang diidamkan Rustam adalah suatu transformasi kebudayaan yang total dan bukan saja kerakusan perekonomian setelah ianya ditakrifkan oleh kelompok tertentu yang gagal memahami maksud pembangunan masyarakat yang sebenar.

Visi 'Melayu Baru' seharusnya menjangkau lebih daripada penyertaan Melayu dalam ekonomi moden dan pemupukan individu Melayu tertentu dalam dunia ekonomi. Ia hendaklah berupa perancangan ke arah transformasi budaya dan sosial sehingga terbentuk negara bangsa Malaysia yang utuh satu hari nanti.

Sindirannya tajam, kadang bersahaja sehingga jelas gerangan siapa yang menjadi sasarannya. Beliau adalah seorang 'tukang fikir' yang bekerja dalam diam, merenung panjang tetapi mendalam, mengibar pendirian kritis tetapi bertekad membaiki dengan optimis.

Kebaktian ilmunya akan dikenang sejarah dan semoga Allah mencuri rahmat ke atas rohnya.

[Artikel ini telah disiarkan di *Berita Harian*, 8 Mei 2008.]